

Complaint - Peraduan 100 Kereta 100 Hari Oleh Celcom

Written by Administrator

Thursday, 10 September 2009 15:27 -

<p align="justify">Assalamualaikum dan salam sejahtera.
◆
Sehubungan dengan "subject" di atas, saya ingin membuat aduan serta mendapatkan perhatian dan bantuan dari pihak tuan. Peraduan yang dianjurkan oleh pihak Celcom ternyata merugikan pelanggan Celcom seperti saya. Saya sendiri terperangkap dengan peraduan yang dianjurkan, yang terang-terangan merampas duit pelanggan secara halus.</p><div align="justify">Kalaupun pihak Celcom ingin menghargai serta memberi hadiah kepada pelanggan setia, ini bukan caranya. Cara yang dianjurkan ternyata menguntungkan pihak celcom sahaja. Kami pelanggan celcom dikenakan bayaran RM 5.00 untuk setiap sms yang dihantar ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Di sini saya rasa tertipu kerana sekiranya pihak celcom ingin memberi penghargaan kepada pelanggannya, kenapa dikenakan bayaran terhadap setiap sms yang dikirim untuk menyertai peraduan yang dianjurkan. Bayangkan berapa banyak jumlah wang yang dikutip oleh celcom sekiranya separuh (saya anggarkan tidak kurang 5 juta pelanggan) pelanggan celcom menyertai peraduan ini, dan setiap seorang membelanjakan RM 100.00 sehari untuk peraduan ini.
◆
RM 100.00 X 5,000,000.00 pelanggan = RM 100,000,000.00 sehari
◆
Bayangkan dengan pendapatan ini, bukan sahaja celcom dapat menyediakan hadian toyota camry yang bernilai RM 14X,XXX.XX (paling murah) kepada pelanggan, malah lebih dari itu.◆ Kalau dah 100 hari, berapa banyak yang celcom dapat? Keuntungan/pendapatan yang nyata menindas pelanggan.
◆
Saya tidak mahu bersekongkol dengan kelab judi yang cuba dibina oleh celcom.
◆
Sekian, terima kasih.

NCCC Director : This make perfect sense to me
◆
"Kalaupun pihak Celcom ingin menghargai serta memberi hadiah kepada pelanggan setia, ini bukan caranya. Cara yang dianjurkan ternyata menguntungkan pihak celcom sahaja. Kami pelanggan celcom dikenakan bayaran RM 5.00 untuk setiap sms yang dihantar ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Di sini saya rasa tertipu kerana sekiranya pihak celcom ingin memberi penghargaan kepada pelanggannya, kenapa dikenakan bayaran terhadap setiap sms yang dikirim untuk menyertai peraduan yang dianjurkan."</div><p align="justify"> </p>